



# info@pustaka

## Hari Terbuka PTB Meriah

Hari Terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) diadakan pada 26 April 2014 dan dirasmikan oleh Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Zakaria bin Kasa. Antara pengisian pada hari tersebut adalah bengkel 'Imej dan Penampilan Diri', bengkel motivasi, tayangan filem Academy Awards, car boot sale, pemeriksaan kesihatan, knowledge fun corner, pameran bertema Hari Bumi, cabutan bertuah dan pelbagai aktiviti lain. Hari Terbuka ini telah menarik ramai warga UPSI, pelajar dan guru-guru dari sekolah sekitar Tanjung Malim.



Perasmian oleh Naib Canselor UPSI

Persembahan gitar quartet oleh pelajar-pelajar Fakulti Muzik & Seni Persembahan menghiburkan para pengunjung



Antara pengunjung yang hadir pada Hari Terbuka PTB



Dato' Naib Canselor menandatangani buku pelawat



Knowledge Fun Corner yang menarik perhatian pengunjung

## Dari Meja Ketua Pustakawan



Bidang kepustakawanan masa kini mengalami transformasi untuk memberi lebih tumpuan kepada perkhidmatan dan sistem penyampaian bagi meningkatkan kepuasan pelanggan. Pustakawan perlu bersikap lebih profesional, berorientasi teknologi maklumat, *multi tasking* dan *cross functional* dalam menangani arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pembaharuan dalam perkhidmatan perpustakaan dan *user engagement* menjamin kepuasan pelanggan dan menarik mereka terutamanya pelajar untuk mendekati perpustakaan bagi mendapatkan ilmu dan maklumat secara fizikal atau maya. Perkhidmatan rujukan bukan sahaja boleh didapati di dalam perpustakaan malah melalui Facebook, Twitter dan media sosial lain. Ruang untuk berdiskusi yang lebih santai dengan kemudahan minuman ringan disediakan untuk keselesaan pelanggan perpustakaan.

Fokus kepada perkhidmatan maklumat dan rujukan, perpustakaan telah melantik pustakawan penghubung fakulti untuk memastikan setiap fakulti mendapat informasi terkini daripada perpustakaan dan membantu dalam keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Harapan kami, perpustakaan akan terus menjadi tempat rujukan keilmuan, pinjaman bahan bacaan dan penggunaan maklumat kian bertambah sejajar dengan peningkatan pembangunan koleksi perpustakaan.

Rusliza Yaacob

## Dari Meja Ketua Pengarang



Perpustakaan mengorak langkah dalam menyebarkan ilmu dan maklumat kepada semua pelanggan dan warga kampus serta masyarakat luar dengan menerbitkan isu terkini *Info@pustaka* keluaran Jun 2014. Kali ini pelbagai artikel disediakan untuk pembaca di dalam perpustakaan dan di luar sana. Di antara topik yang disajikan ialah Hari Terbuka Perpustakaan, RDA: Transformasi Pengkatalogan, Seminar *Citation, Journal Impact Factor, H-Index: Their Meaning and Impact on Researchers and Institution*, Pameran produk perpustakaan di International Digital Library Conference 2014 (ITEX 2014), Wacana Kepelbagaian dan Keunikan Adat Masyarakat Negeri Sembilan, Wacana Pemikiran Dr. Shaari Isa, dan Sambutan Hari Autisma Sedunia.

Perpustakaan sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan dan kemudahan terbaik kepada pelanggan, ahli luar dan masyarakat. Peranan perpustakaan dalam menyediakan sumber maklumat bercetak dan elektronik untuk memantapkan sistem sokongan terhadap pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan universiti. Perpustakaan juga aktif dalam mengadakan siri wacana dan perkongsian ilmu serta pameran bertema yang memberi nilai tambah kepada ilmu dan maklumat sedia ada. Semoga isu kali ini menarik lebih minat dan menjadi tambahan ilmu kepada para pembaca. Selamat membaca!

Siti Sumaizan Ramli

## Ahlan wa sahlan ya Ramadhan: Cintai Al-Quran

Sempena program Hari Ilmu dan Budaya Membaca, Perpustakaan Tuanku Bainun telah mengadakan ceramah ‘Cintai Al-Quran’ pada 27 Jun 2014 bersamaan 29 Sya’ban 1435H di Bilik Serbaguna I, PTB. Penceramah merupakan pensyarah Darul Quran, Kuala Kubu Bharu dan penceramah bebas iaitu Ustaz Wan Mohamad Nor bin Wan Ali. Beliau berasal dari Kelantan dan mendapat ijazah pertama di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Majlis ini turut dihadiri oleh Profesor Dr. Omar bin Abdull Kareem, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Antara intipati ceramah adalah :

- Al-Quran merupakan bacaan yang paling utama dalam kehidupan sehari-hari.
- Ramadhan adalah bulan membaca al-Quran.
- Mencintai al-Quran adalah kewajiban umat Islam.
- Adab-adab membaca al-Quran.
- Kehebatan/ Keistimewaan al-Quran :
  - Sebagai sumber hidayah
  - Kitab yang syumul
  - Kekal tanpa sebarang perubahan
  - Sebagai syifa' /penawar
  - Sesuai sepanjang zaman.

Aktiviti ceramah seperti ini dapat menambahkan ilmu dan kesedaran kepada kita untuk membudayakan membaca al-Quran dalam kehidupan sehari-hari kita.

Oleh: Noriaty Nordin



Ustaz Wan Mohd Nor bin Wan Ali, pensyarah Darul Quran



Antara hadirin yang hadir mendengar ceramah



## Seminar “*Citation, Journal Impact Factor, H-Index: Their Meaning and Impact on Researchers and Institutions*”

Bil. 18/ Jun 2014

Pada 23-24 April 2014 bertempat di Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur telah berlangsung satu Seminar *Citation, Journal Impact Factor, H-Index: Their Meaning and Impact on Researchers and Institutions* yang dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob dan pustakawan Encik Nurul Kashfi Subri. Peserta seminar ini terdiri daripada pensyarah, pustakawan, penyelidik institusi pengajian awam dan swasta serta pegawai dari Pusat Sitasi Malaysia.

Seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada penyelidik, pensyarah, pustakawan dan pegawai pusat sumber dan pengamal maklumat yang berminat untuk mengetahui dan mendalami perkara berkaitan dengan keperluan sitasi (*citation*) yang dapat membantu penerbitan univesiti, bagaimana sitasi itu terhasil dan pengiraan dalam sesuatu penerbitan. Seminar dua hari ini juga menerangkan bagaimana cara untuk menerbitkan sesuatu penyelidikan dan artikel penyelidikan yang menarik minat penyelidik lain untuk ‘cite’ artikel yang diterbitkan.

Seminar ini telah dijayakan oleh Profesor Dr. Szarina Abdullah yang merupakan pakar bibliometrik di Malaysia. Beliau merupakan bekas profesor di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan sekarang menjadi principal Consultant Wisdom Synergy Enterprise. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang bibliometrik telah membantu Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Innovasi (MOSTI) menghasilkan dan menerbitkan *Bibliometric Study of Science and Technology 2012* dan *2013*. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenalpasti status pengeluaran pengetahuan (*knowledge production*) dan kesan pengetahuan (*knowledge impact*) bagi hasil kajian di Malaysia dalam bidang sains, teknologi dan sains sosial yang telah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa yang utama.

Hasil dari seminar ini dapat membantu pihak perpustakaan memgenal pasti keperluan dalam menghasilkan satu kajian dan laporan berkaitan dengan penerbitan pensyarah UPSI. Laporan Bibliometrik terbitan pensyarah UPSI telah dihasilkan oleh pihak perpustakaan dalam mengkaji sebarang peningkatan penerbitan dikalangan pensyarah dan kenal pasti pensyarah yang paling banyak menghasilkan penerbitan. Ini dapat memberi ruang kepada pihak perpustakaan dalam memperbaiki dan menambah mutu perkhidmatan dan bahan dalam menyokong keperluan penerbitan pensyarah dan penyelidikan UPSI amnya.



## International Digital Library Conference (IDLC) 2014

Pada 8-10 April 2014, Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) menjadi wakil Malaysia di dalam pameran poster sempena International Digital Library Conference (IDLC) 2014, anjuran Perpustakaan Negara Malaysia di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. Poster tersebut hasil inovasi yang dibangunkan sendiri secara dalaman iaitu mengenai iPUSTAKA, SiberPROP dan Pustaka VRS.

Pustaka VRS adalah sistem penilaian prestasi pembekal yang telah dibawa bertanding ke Malaysia Technology Expo 2013 di PWTC dan berjaya memperoleh pingat gangsa. SiberPROP pula adalah sistem pendaftaran dan pengurusan program pendidikan pengguna yang sistematik, manakala iPUSTAKA adalah inovasi terkini berdasarkan Android. iPUSTAKA mempunyai beberapa fungsi unik yang membolehkan pengguna mengenali dan mendapat hebahan terkini mengenai perpustakaan secara terus ke telefon pintar Android.

Semua produk yang dibawa PTB telah diterima baik oleh para peserta persidangan dan ada yang telah menunjukkan minat terhadap produk berkenaan di organisasi mereka. SYABAS!



## International Invention, Innovation and Technology Exhibition



International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) telah berlangsung pada 8-10 Mei 2014 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) telah menghantar projek SiberPROP untuk dipertandingkan dan telah berjaya merangkul pingat perak. SiberPROP adalah sistem pendaftaran dan pengurusan program pendidikan pengguna, penghasilan laporan, graf dan statistik. SiberPROP dihasilkan sendiri oleh Perpustakaan Tuanku Bainun melalui kerjasama Unit Teknologi Maklumat dan Unit Pendidikan Pengguna.

Oleh: Khairul Aysrani bin Sulaiman

## WACANA PEMIKIRAN DR. SHAARI ISA : IKON PENDIDIKAN MALAYSIA



Dr. Shaari Isa menyampaikan ucapan



Ucapan perasmian oleh Profesor Dato' Dr. Noraini Idris TNC (Penyelidikan dan Inovasi)

Peserta khusuk mendengar

Wacana Pemikiran Dr. Shaari Isa telah berlangsung pada 1 April 2014, dan dirasmikan oleh Profesor Dato' Dr. Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Wacana ini turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Y. Bhg. ACP (Kehormat) Dato' Paduka Dr. Junaidi bin Abu Bakar dan pegawai kanan universiti, pensyarah, alumni UPSI, guru-guru sekolah serta pelajar-pelajar UPSI. Program selama 2 jam ini dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Abdul Halim Ali, dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi sebagai moderator, Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof Hasan sebagai pengucap utama dan Dr. Shaari Isa sendiri sebagai ahli panel jemputan.

Dr. Shaari Isa merupakan tokoh yang memulakan pengalaman kerjayanya sebagai pensyarah di Sultan Idris Training College (SITC) seterusnya berkhidmat sebagai Pegawai di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Bendahari di Universiti Utara Malaysia sebelum berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Malaya sebagai pensyarah. Beliau juga menyumbang bakti di bawah Skim Tenaga Pengajar Khas, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI pada tahun 2011.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof Hasan berjaya mengupas serta meneroka pemikiran Dr. Shaari Isa menerusi hasil-hasil penulisan beliau sama ada dalam bidang penulisan kreatif seperti novel dan cerpen, bidang ilmiah seperti bidang Sains, Matematik, Perakaunan, Perdagangan, Pengauditan, Teknik dan Vokasional, Keusahawanan, Politik serta Agama terbitan dalam dan luar negara. Antara karya novel Dr. Shaari Isa yang dibincangkan adalah Kampung Kirkby, Lepaskan Kembali Aku ke Laut (3 Jilid), Maktab Ibu Kandung, Suara dari Rimba, Projek PL5 dan Vandetta and Abuse of Power.

## **“JOM KE PROGRAM GENERASI GENIUS” BERSAMA ADI PUTRA SENI MATEMATIK ISLAM ABADINI**

Oleh: Azura Adnan

Bil. 18/ Jun 2014

Program Jom Ke Program Generasi Genius telah berlangsung dengan jayanya pada 4 Mei 2014 (Sabtu) di Auditorium, UPSI. Program anjuran bersama Perpustakaan Tuanku Bainun dan PIBG SK Hulu Bernam ini telah dirasmikan oleh Datuk Abu Hanipah bin Pandak Yahya, Pengarah, Perfisio Solution Sdn. Bhd. Turut hadir ialah Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob.

Aktiviti ini mengkhususkan pelajar tahap dua sekolah rendah di sekitar UPSI termasuklah pelajar daripada SK Hulu Bernam sendiri berjumlah 200 orang beserta ibu bapa. Aktiviti yang bermula jam 9.30 pagi ini menampilkan Adi Putra, 15 tahun, seorang ikon genius matematik yang telah berkongsi pengalaman dan teknik pembelajaran matematik. Turut dikongsikan ialah kaedah mengingati nombor-nombor yang memperlihatkan Adi Putra mengingati 100 digit nombor yang disusun secara rawak dalam dwibahasa.

Selain matematik, Adi Putra juga berbakat dalam bidang puisi dan telah mendeklamasi sajak yang bertajuk ‘Akulah Adi Putra’ di akhir program ini. Program ini telah mendapat respon yang positif dari-pada pelajar dan juga ibu bapa yang hadir.



Ucapan perasmian oleh  
Datuk Abu Hanipah bin Pandak Yahya,  
Pengarah, Perfisio Solution Sdn. Bhd.



Cenderamata disampaikan oleh Ketua Pustakawan,  
Puan Rusliza Yaacob.



Adi Putra berkongsi formula matematik bersama peserta.

RDA adalah singkatan untuk *Resource Description and Access*, yang merupakan satu standard antarabangsa baru pengkatalogan menggantikan *Anglo-American Cataloguing Rules 2nd. Edition* (AACR2) bagi memenuhi keperluan dunia digital dan teknologi masa kini kerana AACR tidak lagi dapat menampung keperluan untuk bahan-bahan digital.

Standard RDA telah diperkenalkan oleh *Joint Steering Committee for the Revision of AACR* (JSC) pada tahun 2005 dan diterbitkan pada tahun 2010. Pada 30 Mac 2013, Library of Congress telah menggunakan sepenuhnya RDA dan diikuti oleh perpustakaan besar lain seperti National Library of Australia, British Library dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).


RDA dibangunkan atas landasan AACR2 yang menyediakan rujukan untuk deskripsi dan akses kepada semua jenis bahan pelbagai media. AACR tidak lagi diguna pakai dan tidak lagi dikemas kini pada masa akan datang. Standard RDA telah diterima pakai di peringkat antarabangsa sebagai standard yang digunakan dalam pembinaan rekod bibliografik. Standard RDA memastikan kandungan data dalam pangkalan data bibliografik memenuhi keperluan pengguna untuk mencari, mengenal pasti, memilih dan mendapatkan (find, identify, select, obtain) bahan maklumat dengan lebih efektif dan efisyen.

Standard RDA adalah berdasarkan kepada *Functional Requirement Bibliographic Record* (FRBR) dan *Functional Requirement Authority Data* (FRAD). Ia adalah merupakan suatu konseptual atau dikenali sebagai *entity-relationship model* yang dibangunkan oleh *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA). Ia merupakan satu pendekatan yang menyeluruh dari segi akses dan dapatan semula maklumat kerana ia menyediakan pautan antara satu entiti dengan entiti yang lain dengan menavigasi hierarki hubungan (hierarchy of relationship).

Sesebuah agensi maklumat perlu memastikan sistem pengurusan perpustakaan/*Library Management System* yang sedia ada dapat membangunkan *entity-relationship model* ini bagi memenuhi keperluan FRBR sebelum mengunapakai standard RDA. Tujuan utama FRBR ini adalah untuk mempertingkatkan lagi pencarian di OPAC dengan memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan bahan atau maklumat yang dikehendaki.

PNM telah menerbitkan buku panduan RDA Malaysia sebagai rujukan kepada pelaksanaan RDA untuk agensi maklumat di Malaysia. *Core Elements* yang disarankan oleh PNM adalah elemen teras sebagai senarai bidang (fields) minimum yang perlu disediakan di dalam rekod bibliografik dan boleh ditambah baik mengikut keperluan agensi. Semua perpustakaan di Malaysia telah disarankan mengaplikasikan standard RDA bagi memastikan rekod pengkatalogan adalah selari dengan keperluan standard antarabangsa.

Apakah kelebihan RDA? RDA merupakan alat pengkatalogan atas talian yang interaktif, merangkumi rangkaian yang lebih luas kerana semua aspek bahan akan dapat direkodkan dengan terperinci, membuat penambahbaikan utama dalam memberi keupayaan kepada pengguna untuk memilih sumber yang memenuhi keperluan mereka dan mempunyai keupayaan untuk menghubungkan antara satu entiti dengan entiti yang lain dengan menggunakan konsep *entity-relationship model*.



Singkatan	Tiada singkatan
Contoh : p. , ill.	Contoh : pages, illustrations
Rules of three Contoh : Hizam...[et al.]	Tiada Rules of three Contoh : Hizam, Afza, Rozman dan Raja
GMD/ SMD Contoh : Video recording	Tag 336 (Content type) Contoh :  aSounds 2rdacontent Tag 337 (Media type) Contoh :  aaudio 2rdamedia Tag 338 (Carrier type) Contoh :  aVideodisc 2rdacarrier
Tiada relator term 100 aAnizah Tumin  700  aMohd. Hizam Samin	Relator term Contoh : author, editor 100 aAnizah Tumin eauthor  700  aMohd. Hizam Samin eeditor

Sumber rujukan :  
Perpustakaan Negara Malaysia. Panduan RDA Malaysia, 2014.

Oleh : Anizah binti Tumin  
Pustakawan Kanan Bahagian Pengkatalogan



Madam Heather Burrell menerima cenderahati daripada Ketua Pustakawan



Antara pustakawan yang menghadiri kursus

Literasi maklumat atau *Information literacy* secara umumnya adalah kebolehan seseorang mengenal pasti, mengurus dan menggunakan maklumat secara efektif bagi tujuan tertentu. *The American Library Association* menyatakan *information literacy is the set of skills needed to find, retrieve, analyze, and use information*. Berdasarkan kepada huraian ini kemahiran dalam literasi maklumat ini adalah penting pada zaman lambakan maklumat masa kini. Merujuk kepada kepentingan ini kursus *Literacy and User Studies* telah diadakan untuk pustakawan pada 20-21 Mei 2014 bertempat di Bilik Serbaguna 2, Perpustakaan Tuanku Bainun. Kursus selama dua hari ini telah dikendalikan oleh seorang penceramah yang berpengalaman dalam bidang literasi maklumat iaitu Heather Burrell. Beliau yang berkelulusan dalam B.A., Library and Information Science dari Charles Sturt University, New South Wales, Australia berpengalaman bertugas sebagai pengurus, Learning Resources The Bremer Institute of TAFE dan di Information Services Southbank Institute of Technology.

Objektif kursus ini diadakan ialah untuk meningkatkan kepakaran, kemahiran dan pengetahuan dalam literasi maklumat di kalangan pustakawan. Hasilnya dapat membantu pustakawan mengendalikan Program Pendidikan Pengguna untuk pelajar dengan lebih efektif dan juga memberi kesedaran kepada kakitangan bawahan kepentingan literasi maklumat. Kursus dua hari ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Siti Sumaizan binti Ramli dikendalikan dalam dua kaedah pengajaran iaitu ceramah dan latihan berkumpulan. Isi kandungan kursus adalah seperti berikut iaitu pengenalan kepada *Information literacy standards, putting the theory into practice, mapping exercise* dan latihan dalam kumpulan iaitu membangunkan modul latihan perkhidmatan pengguna serta persembahan kumpulan. Semua pustakawan telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kursus ini berlangsung. Hasil dari kursus ini diharapkan dapat memberi impak yang positif kepada peningkatan mutu perkhidmatan di perpustakaan terutama dalam pengendalian Program Pendidikan Pengguna.

# Sambutan Hari Autisme Sedunia

Bil. 18/ Jun 2014



Panel forum 'Tahap Pengetahuan Ibubapa Terhadap Pemakanan Kanak-kanak Autism'



Antara hadirin yang mendengar forum

Forum dan pameran mengenai autism telah diadakan pada 11 Mac 2014, bersempena sambutan Hari Autisme Sedunia. Perpustakaan Tuanku Bainun mengorak langkah dengan membawa seorang kanak-kanak autism yang telah mengukir nama di peringkat antarabangsa. Kanak-kanak tersebut adalah adik Delwin Cheah Wien Loong, berumur 11 tahun. Minat dan kecenderungan Delwin Cheah dalam lukisan telah mendapat perhatian dan galakan dari ibu bapanya sehingga namanya tercatat dalam *Guiness Books of Record*. Lukisan beliau dipamerkan di Ruang Pameran.

Delwin Cheah juga telah menunjukkan kebolehan beliau dengan melukis di hadapan pengunjung perpustakaan pada hari tersebut. Satu forum yang bertajuk 'Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Pemakanan Kanak-kanak Autism' telah diadakan pada jam 2.30 petang bertempat di Bilik Serbaguna 1. Ahli panel forum adalah Dr. Kannamah Mottan (UPSI) dan Puan Siti Zafirah binti Md Redza, pakar dietrik daripada Hospital Slim River manakala moderator adalah Puan Siti Sumaizan Ramli.

Forum ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar, kakitangan, guru sekolah pendidikan khas serta ibu bapa yang mempunyai anak autism. Forum dan pameran ini telah membuka minda masyarakat terhadap keperluan dan kepentingan pemakanan anak-anak autisma.

Oleh: Najah Saghirah Haroman



Lukisan yang dihasilkan semasa hari perasmian



Adik Delwin Cheah sedang melukis..

## WACANA KEPELBAGAIAN DAN KEUNIKAN ADAT MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

Oleh: Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan



YTM Tunku Syed Razman Ibni Tunku Syed  
Idrus Al Qadri

Wacana anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun dengan kerjasama Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) ini diadakan pada 17 Mac 2014 bertempat di Bilik Serbaguna 1, Perpustakaan Tuanku Bainun dan disempurnakan perasmianya oleh YTM Tunku Syed Razman Ibni Tunku Syed Idrus Al Qadri, Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan. Turut hadir ialah Profesor Dato' Dr. Zakaria bin Kasa, Naib Canselor UPSI.

Negeri Sembilan mempunyai adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politiknya yang agak unik. Ia dibuka oleh penduduk asalnya iaitu orang asli dari suku Sakai, Semang, Jakun dan Biduanda yang lahir dari perkahwinan campur. Keturunan suku Biduanda mewarisi pesaka Dato'-Dato' Undang Luak Yang Empat yang terdiri daripada Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau.

Adat perpatih telah wujud di Tanah Semenanjung sejak kurun ke-14, kekal menjadi adat yang unik di Negeri Sembilan sehingga sekarang. Ia amat jelas diterangkan dalam pembahagian harta pusaka, gelaran dan juga suku yang memihak kepada kaum wanita.

Banyak lagi keunikan yang terdapat dalam adat masyarakat Negeri Sembilan yang dibentangkan oleh pewacana yang berwibawa iaitu Profesor Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin yang mewakili BUDIMAN dan Encik Mohamed Nor bin Mohamed Amin atau lebih dikenali sebagai Noramin (bekas juruhebah RTM), manakala Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Ali sebagai moderator.



Antara peserta yang hadir



Pencipta lagu, S. Amin Sahab turut mengadakan pameran keris-keris pusaka dari Negeri Sembilan



Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali, selaku moderator

*Adat Perpatih telah  
wujud di Tanah  
Semenanjung sejak  
kurun ke-14, kekal  
menjadi adat yang  
unik di Negeri  
Sembilan sehingga  
sekarang.*



YTM Tunku Syed Razman bertanya sesuatu kepada Noramin

## Pensyarah UPSI ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur sekali lagi telah merancakkan arena perbukuan negara. Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) juga telah menjadikannya sebagai medan untuk mendapatkan buku-buku terbitan terkini, di dalam dan luar negara. Pesta buku yang diadakan pada 24 April hingga 4 Mei 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra telah membawa sejumlah 28 orang pensyarah UPSI yang mewakili semua fakulti untuk membuat pemilihan buku yang relevan dengan program/kursus di fakulti. Mereka diiringi oleh Pustakawan Perhubungan Fakulti (Liaison Librarian) masing-masing. Semoga kerjasama antara fakulti dan PTB dapat mengharmonikan industri buku dan menambah khazanah ilmu di PTB.



Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan sedang membuat pemilihan bahan



Encik Mohd Hizam Samin, selaku pustakawan pengiring turut serta mengiringi pensyarah membuat pemilihan bahan

## Kelab Kakitangan Perpustakaan

Bil. 18/ Jun 2014

Sepanjang Januari sehingga Jun 2014, Kelab Kakitangan Perpustakaan (KLIK) telah menganjurkan pelbagai program antaranya seperti berikut:-

- Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) diadakan pada setiap Perjumpaan Pagi Rabu. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca di kalangan staf Perpustakaan Tuanku Bainun serta aktiviti keilmuan yang melibatkan staf perpustakaan.



Sesi pembentangan perlembagaan yang telah dipinda kepada semua ahli



En. Nurul Kashfi b Subri selaku Pengerusi KLIK menjadi pembentang pertama Program Bacaan Kegemaran Saya

- Jualan sempena pendaftaran pelajar Institut Pengajian Siswazah pada 13 Februari 2014.
- Majlis Hi-Tea KLIK telah diadakan pada 11 April 2014 untuk membentangkan perlembagaan KLIK yang telah dipinda berdasarkan persetujuan ahli lembaga yang telah dilantik. Dalam majlis ini, pindaan dibentangkan untuk makluman semua ahli. Di samping itu, pemberian cenderahati kepada pengurusan KLIK terdahulu iaitu sesi 2012/2013 turut diselitkan sebagai salah satu pengisian di dalam majlis ini.



Jualan bahan bacaan terpakai di bilik 24 jam



Antara kakitangan yang hadir majlis bacaan doa selamat

- Jualan pada 26 April 2014 sempena Program Hari Terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun di Bilik 24 jam.
- Majlis Doa Selamat pada 12 Jun 2014, dengan menjemput Ustaz Muhammad Majdan bin Ismail dari Pusat Islam untuk memimpin bacaan doa selamat ini.

Oleh: Muliati Abdul Samad

# WARGA PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN MENGUCAPKAN SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA DAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI



## SIDANG REDAKSI:

Penasihat: Rusliza Yaacob

Ketua Pengarang: Hjh. Siti Sumaizan Ramli Editor: Najah Saghirah Haroman

Pengarang: Anizah Tumin, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Muliati Abdul Samad, Khairul Asyrani Sulaiman, Afzanizam Dullah Hashim, Najah Saghirah Haroman, Nurul Kashfi Subri, Azura Adnan, Noriati Nordin, Fairoz Hussein

Penerbitan dan Edaran: Raja Radiah Raja Ahmad, Ahmad Fazli Ahmad Rasmi; Pereka Web Rozman Che Ross

Jurufoto: Zaini Alipiah, Fazilah Ahamat